

## **“Festival Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia 2009 (FESTKUM)”**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Universiti Kebangsaan Malaysia dan Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia akan menganjurkan “Festival Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (FESTKUM) 2009 pada 9-13 Disember 2009, bertempat di Dewan Canselor Tun Abdul Razak (DECTAR) UKM.

Acara gilang-gemilang yang julung-julung kalinya diadakan ini melibatkan hampir 2000 peserta daripada 20 IPTA di Malaysia. Sebanyak 9 acara kebudayaan akan dipertandingkan di empat buah universiti iaitu;

UKM	-	Dikir Barat, Boria dan Temasya Permainan Warisan 1 Malaysia
UPM	-	Tarian Zapin, Tarian Klasik India dan Tarian Tradisional Cina
UM	-	Pantun dan Nyanyian Irama Malaysia
UiTM	-	Muzik Akustik

Semua warga UKM dijemput hadir khususnya bagi acara-acara yang diadakan di UKM seperti butiran berikut;

### **Majlis Perasmian FESTKUM**

Tarikh : 9 Disember 2009 (Rabu)  
Masa : 8.30 malam  
Tempat : DECTAR UKM  
Perasmi : Menteri Pengajian Tinggi Malaysia

### **Pertandingan Dikir Barat**

Tarikh : 10 Disember 2009 (Khamis)  
Masa : 2.30 petang – 5.00petang dan 8.30malam -10.30 malam  
Tempat : DECTAR UKM

### **Pertandingan Boria**

Tarikh : 11 -12 Disember 2009 (Jumaat-Sabtu)  
Masa : 8.30malam -10.30 malam  
Tempat : DECTAR UKM

### **Temasya Permainan Warisan 1 Malaysia**

Tarikh : 10 Disember 2009 (Khamis)

- Pertandingan  
Masa : 7.30 pagi – 11.30 tengahari  
Tempat : Dataran Panggung Seni UKM
- Acara Penyampaian Hadiah dan Majlis Perasmian  
Masa : 12.00 tengahari  
Tempat : Panggung Seni UKM  
Perasmi : Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia